

**Alfaiza bin Zakaria**

*dan*

**Atifah Muliati binti Ahmad**

[Mahkamah Rendah Syariah Kuala Pilah, Negeri Sembilan

**Kes Saman Bil: 2311-L0605-131-0356 (Tuan Sabarudin bin Bidin, HMRS)**

30 November 2023]

**Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) Tahun 2003** – seksyen 61(3)(b)(i) - bidang kuasa mal – pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh) – seksyen 62(2)(b) – bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah – amaun pertikaian tidak melebihi seratus ribu ringgit – tidak dapat dianggarkan dengan wang.

**Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan)** – seksyen 4 – pemakaian – semua orang Islam – yang tinggal di dalam Negeri Sembilan – bermastautin di dalam Negeri Sembilan. Seksyen 11 – perkahwinan yang tidak sah melainkan jika cukup syarat – seksyen 12 – pendaftaran perkahwinan yang bersalahan dengan Enakmen – sah mengikut Hukum Syarak – boleh didaftarkan di bawah Enakmen ini.

**Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) Tahun 2003** – seksyen 5,7,9 – keterangan mengenai fakta persoalan dan qarinah – menerangkan punca, sebab atau kesan – fakta yang menghuraikan fakta persoalan atau fakta relevan.

**Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) Tahun 2003** – seksyen 72 – beban untuk mengemukakan keterangan dalam kes mal – seksyen 73- beban membuktikan – seksyen 75 – beban membuktikan fakta tertentu.

**Fakta kes**

Pemohon Alfaiza bin Zakaria telah memohon ke mahkamah ini permohonan pengesahan nikah. Pemohon dengan isterinya, Atifah Muliati binti Ahmad telah menikah pada 27.5.2001 di Jordan. Pemohon dan isterinya mempunyai sembilan orang anak. Permohonan ini dibuat hasil siasatan daripada Pendaftar Pernikahan, Perceraian dan Rujuk Negeri Sembilan yang mengesyaki bahawasanya perkahwinan Pemohon dengan isterinya tidak didaftarkan mengikut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) Tahun 2003.

**Diputuskan**

Setelah mahkamah mendengar keterangan Pemohon dan saksinya, maka dengan ini Mahkamah berpuas hati untuk memutuskan dan memerintahkan seperti berikut:

1. Mahkamah membenarkan permohonan Plaintiff.
2. Mahkamah mensabitkan bahawa pernikahan Pemohon dengan isterinya pada 27.5.2001 di Jordan adalah sah di sisi mazhab Syafi'i.
3. Mahkamah perintahkan Pendaftar Pernikahan Perceraian dan Rujuk Negeri Sembilan mendaftarkan perkahwinan pemohon di bawah seksyen 12(2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) Tahun 2003.
4. Mahkamah mensabitkan nasab sembilan orang anak pemohon kepada Pemohon.

**Pihak diwakili oleh**

Pemohon tidak diwakili oleh mana-mana peguam syarie

**Undang-undang yang dirujuk**

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan Tahun 2003.
2. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) Tahun 2003.
3. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003.

**Kitab yang dirujuk.**

1. Al-Mu'tamad Dalam Fiqh Mazhab Syafie oleh Prof. Dr. Muhammad Mustafa Al-Zuhaily

**Alasan penghakiman Tuan Sabarudin bin Bidin, HMRS**

**Bidang kuasa Mahkamah**

[1] Mahkamah merujuk seksyen 62(2)(b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) Tahun 2003, yang memperuntukkan bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah seperti peruntukan di bawah seksyen 61(3)(b) jika amaun atau nilai yang dipertikaikan itu tidak melebihi seratus ribu ringgit dan tidak dapat dianggarkan dengan wang.

[2] Seksyen 61(3)(b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) Tahun 2003 memperuntukkan:

*Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah -*

*(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu ialah orang Islam atau prosiding itu adalah berhubungan dengan –*

*(i) pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami dengan isteri;*

[3] Seksyen 12(2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) Tahun 2003 memperuntukkan:

*“12(2) Walau apa pun subseksyen (1) dan tanpa menjejaskan subseksyen 40(2), sesuatu perkahwinan yang telah diakadnikahkan berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian ini tetapi sebaliknya sah mengikut Hukum Syarak boleh didaftarkan di bawah Enakmen ini dengan perintah daripada Mahkamah.”*

[4] Pemakaian Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) Tahun 2003 berdasarkan kepada peruntukan seksyen 4 yang menjelaskan:

*“Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya, Enakmen ini terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal di dalam Negeri Sembilan dan bagi semua orang Islam yang bermastautin di dalam Negeri Sembilan tetapi tinggal di luar Negeri itu.”*

[5] Pemohon telah menggunakan alamat No. 816, Kampung Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah Negeri Sembilan. Pemohon berasal dari Kampung Baru Lanjut Salak, Sepang manakala isterinya Atifah binti Muliati berasal dari Batu Pahat, Johor. Permohonan pemohon ini telah disertakan dengan perakuan pemastautin yang disahkan oleh Imam Masjid Kariah Beting yang mana Pemohon telah tinggal di alamat sejak Mac 2023.

[6] Oleh itu, mahkamah berpendapat bahawasanya mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes yang dituntut oleh Pemohon. Antara alasan ialah Pemohon tinggal di Kampung Parit Tinggi yang berada di dalam bidang kuasa tempatan mahkamah ini. Selain itu, permohonan pengesahan pernikahan merupakan prosiding

kes mal yang dibenarkan oleh seksyen 61(3)(b) dan 62(2) (b) Enakmen Pentabdiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003 ke atas mahkamah ini.

**Fakta kes**

- [7] Pemohon merupakan lelaki, warganegara dan berumur 47 tahun manakala isterinya pula warganegara dan berumur 46 tahun. Pemohon berasal daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan alamat atas kad pengenalan ialah Lot 2157, Kampung Baru Lanjut Salak, 43900 Sepang, Selangor, manakala isterinya berasal Batu Pahat Johor. Pemohon telah menetap di No. 816, Kampung Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah Negeri Sembilan sejak Mac 2023.
- [8] Anak perempuan Pemohon telah cuba mendapatkan kebenaran berkahwin daripada Pendaftar Pernikahan Perceraian dan Rujuk Negeri Sembilan di PAID Kuala Pilah. Hasil siastan Pendaftar, terdapat beberapa keraguan yang timbul terhadap surat nikah Pemohon dengan isterinya yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Jordan. Oleh itu, Pendaftar telah merujuk Pemohon kepada Bahagian Undang-undang Keluarga Islam, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) untuk siasatan.
- [9] Bahagian Undang-undang Keluarga Islam JHEAINS telah mensyorkan agar pemohon menfailkan permohonan pengesahan nikah di mahkamah ini. Pendaftar telah menerima surat syor daripada Bahagian Undang-undang Keluarga Islam JHEAINS pada 21.11.2023 dan kes ini telah didaftarkan pada tarikh yang sama.
- [10] Pemohon bekerja di Al-Hayah Production and Marketing, Kampung Beting Ulu, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Pemohon dan isterinya telah dikurniakan sembilan orang anak sepanjang tempoh perkahwinan.
- [11] Pemohon bernikah dengan isterinya pada 27.5.2001 di Jordan. Ketika itu, Pemohon masih menuntut di Jordan. Perkahwinan dilangsungkan di rumah sewa milik Pemohon. Perkahwinan pemohon telah dilangsungkan pada pukul 9.00 pagi waktu Jordan, dan waktu di Malaysia lebih kurang 2.00 petang.

- [12] Status pemohon dan isterinya ialah bujang. Pemohon mengaku tidak ada membuat sebarang permohonan perkahwinan di hadapan Pendaftar Pernikahan Perceraian dan Rujuk di mana-mana negeri dalam negara sebelum melangsungkan perkahwinan pada 27.5.2001. Tiada permohonan perkahwinan dimohon daripada kedutaan Malaysia di Amman, Jordan.
- [13] Perkahwinan pemohon telah diakadnikahkan oleh Wan Zulkifli bin Haji Wan Abdul Razak yang telah menerima wakil wali bapa kepada Atifah Muliati binti Ahmad. Jurunikah merupakan warganegara Malaysia dan merupakan pelajar di Jordan. Bapa pengantin perempuan, Ahamad@ Ahmad bin Tahir telah bersetuju mewakilkan perwalian kepada Wan Zulkifli bin Haji Wan Abdul Razak melalui panggilan telefon.
- [14] Perkahwinan pemohon telah disaksikan ramai sahabat dan kenalan Pemohon dan isterinya. Namun saksi terdekat ialah Nasaruddin bin Awang dan Sulaiman bin Mohamed Shariff. Kedua-dua saksi warganegara Malaysia dan merupakan pelajar di Jordan.
- [15] Akad nikah telah dilangsungkan dalam bahasa Melayu. Jurunikah melafazkan akad nikah dengan lafaznya "*Aku nikahkan dikau dengan Atifah Muliati binti Ahmad berwakilkan wali dengan maskahwin sebanyak lima dinar tunai.*" Pemohon melafazkan kabul nikah dengan lafaz "*saya terima nikanya dengan Atifah Muliati binti Ahmad dengan maskahwin sebanyak lima dinar tunai.*"
- [16] Sebelum Pemohon melangsungkan pernikahan tersebut, permohonan perkahwinan telah dibuat oleh Pemohon dan isterinya di Mahkamah Syariah Jordan. Qadi Ahmad Al Hajjaj telah hadir untuk melangsungkan pernikahan mengikut mazhab Hanafi. Qadi tersebut hanya melihat dokumen yang difailkan dan melangsungkan akad dengan lafaz ijab daripada isteri dan kabul daripada pemohon.
- [17] Semasa prosiding kes ini berlangsung, pemohon dan isterinya telah memberikan keterangan di hadapan mahkamah. Sulaiman bin Mohamed Shariff telah hadir

memberikan keterangan sebagai saksi perkahwinan Pemohon. Pemohon juga telah menfailkan beberapa dokumen seperti salinan surat pernikahan yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Jordan, beberapa keping gambar perkahwinan dan surat mati jurunikah, Wan Zulkifli bin Haji Wan Abdul Razak serta saksi Nasarrudin bin Awang serta surat lahir sembilan orang anak Pemohon.

### **Isu Yang Timbul**

- [18] Berdasarkan kepada fakta kes di atas, mahkamah berpendapat bahawasanya terdapat satu isu sahaja sama ada pernikahan pemohon dengan isterinya sah di sisi hukum syarak dan boleh didaftarkan oleh Pendaftar Pernikahan Perceraian dan Rujuk Negeri Sembilan mengikut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) Tahun 2003.
- [19] Mahkamah merujuk dalam Kitab Al-Mu'tamad – Fiqh Mazhab Syafi'i oleh Prof. Dr. Muhammad Mustafa al-Zuhaily, muka surat 88 yang menyatakan rukun talak:
- “Secara umum, rukun nikah ada empat dan secara terperinci terdapat enam rukun iaitu lafaz (ijab dan kabul), dua orang yang melakukan akad (calon suami dan wali perempuan), calon isteri, dan dua orang saksi. Setiap rukun yang disebut terdapat syarat-syarat yang harus dipenuhi.”*
- [20] Rukun yang pertama ialah lafaz ijab kabul. Mahkamah berpendapat lafaz ijab kabul yang dilaksanakan oleh Pemohon dengan jurunikah adalah menepati rukun dan syarat-syaratnya. Lafaz akad nikah yang digunakan mengandungi perkataan lafaz nikah dan lafaz akad adalah jelas menunjukkan kepada perkahwinan. Lafaz akad nikah tersebut tidak disyaratkan dengan sebarang tempoh.
- [21] Rukun yang seterusnya ialah suami. Pemohon merupakan seorang lelaki, akil baligh serta waras dan bebas daripada halangan melangsungkan perkahwinan pada ketika itu. Pemohon hadir semasa akad nikah dan tidak berihram haji atau umrah. Rukun isteri pula, bebas daripada halangan bernikah seperti ihram, tiada ikatan nasab kekeluargaan, dan ditentukan dalam akad nikah. Bagi isu wali perempuan pula, berdasarkan kepada fakta kes, wali perempuan ialah bapa perempuan itu sendiri. Bapa perempuan berada

di Batu Pahat, Johor ketika Pemohon melangsungkan akad nikah. Jurunikah, Wan Zulkifli bin Haji Wan Abdul Razak telah menerima wakalah perwalian daripada bapa perempuan melalui panggilan telefon. Fakta ini disokong oleh keterangan saksi, Sulaiman bin Mohamed Shariff. Fakta ini selari dengan keterangan daripada Atifah Muliati binti Ahmad.

[22] Namun begitu, keterangan bapa pemohon tidak dapat diambil kerana bapa pemohon telah meninggal dunia pada 6.1.2018 (P1). Berdasarkan kepada keterangan Atifah dan saksi Sulaiman, Mahkamah berpuas hati bahawasanya bapa perempuan telah mewakili walinya kepada jurunikah melalui panggilan telefon.

[23] Jurunikah Wan Zulkifli bin Haji Wan Abdul Razak dan saksi Nasarrudin bin Awang juga telah meninggal dunia. Wan Zulkifli telah meninggal dunia pada 16.6.2008 (P2) manakala Nasarrudin telah meninggal dunia pada 1.1.2015 (P3). Oleh itu, mahkamah tidak dapat mengambil keterangan kedua-dua orang tersebut.

[24] Berdasarkan kepada rukun nikah yang telah dinyatakan di atas, mahkamah berpendapat bahawasanya semua rukun serta syarat-syaratnya dipenuhi bagi perkahwinan pemohon ini. Walaupun pemohon hanya mengemukakan keterangan melalui dokumen dan seorang saksi, mahkamah berpendapat bahawasanya kebarangkalian fakta kes menjadi tidak tepat adalah tipis. Mahkamah menerima keterangan Sulaiman dan pemohon serta isterinya.

### **Diputuskan**

Setelah mahkamah mendengar keterangan Pemohon dan saksinya, maka dengan ini Mahkamah berpuas hati untuk memutuskan dan memerintahkan seperti berikut:

1. Mahkamah membenarkan permohonan Plaintiff.
2. Mahkamah mensabitkan bahawa pernikahan Pemohon dengan isterinya pada 27.5.2001 di Jordan adalah sah di sisi mazhab Syafi'i.
3. Mahkamah perintahkan Pendaftar Pernikahan Perceraian dan Rujuk Negeri Sembilan mendaftarkan perkahwinan pemohon di bawah seksyen 12(2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) Tahun 2003.

4. Mahkamah mensabitkan nasab sembilan orang anak pemohon kepada Pemohon.